

19 JUN 2003

Mahathir-Eropah/I

MASALAH BERMULA DARI PENJAJAHAN EROPAH - PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sejarah telah menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi negara bermula dengan kehadiran bangsa Eropah di sini.

Beliau berkata sebelum bangsa Eropah datang, semua orang menikmati kehidupan bahagia di Malaysia yang telah menarik pelawat dari serata pelusuk dunia.

"Orang Arab datang, warga India dan China tiba, tetapi kita tidak ditakluki. Tetapi apabila bangsa Eropah datang, mereka menjajah kita.

"Kini mereka cuba memaksa kita menerima kesemua ideologi, dasar ekonomi dan sebagainya. Akibat daripada pemaksaan itu, kita menghadapi masalah," katanya pada persidangan media di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir kritikal terhadap bangsa Eropah dalam ucapan dasar merasmikan perhimpunan itu pagi ini dengan menarik perhatian bahawa sejarah Eropah ialah sejarah peperangan dan menguji kekuatan.

Dr Mahathir berkata Malaysia membangun dengan baik sehingga 1997 apabila bangsa Eropah, yang didefinisikan dalam ucapannya itu sebagai bangsa yang datang dari Eropah termasuk mereka yang berhijrah dan menubuhkan negara baru di Amerika, Australia dan New Zealand, mula menurunkan nilai ringgit dan mata wang negara lain.

Presiden Umno berkata Asia Timur sepatutnya menjadi jentera pertumbuhan bagi seluruh dunia dengan kurun ke-21 dikatakan sebagai Abad Asia.

"Tetapi dengan hanya satu pukulan, dengan menyerang mata wang, kini orang tidak lagi memperkatakan mengenai kurun ke-21 sebagai Abad Asia.

"Adalah jelas ia berpunca daripada mereka. Jika anda tidak melihatnya, saya tidak tahulah apa yang akan membuatkan anda menyedarinya," katanya.

Perdana Menteri juga menghuraikan mengenai kegemaran bangsa Eropah untuk berperang.

"Jika anda mengkaji sejarah, mereka ialah yang menjadi punca masalah. Mereka jenis orang yang gemar berperang, mereka sukakan peperangan," katanya.

Sambil mengulangi satu perkara yang dibangkitkan dalam ucapan beliau itu, Dr Mahathir berkata bangsa Eropah kini membelanjakan berbilion dollar untuk mencipta senjata baru yang perlu diuji.

Beliau berkata ini dilakukan sama ada melalui proksi atau mereka sendiri akan pergi berperang untuk memastikan sama ada senjata-senjata itu berkesan atau tidak.

"Dan orang lain yang perlu membayar harganya. Orang ramai akan terbunuh disebabkan mereka (bangsa Eropah) mahu menguji senjata mereka itu," katanya.

Semasa ditanya sama ada beliau melihat perkembangan sekarang sebagai pertembungan peradaban, beliau berkata ia seolah sudah menjadi begitu dengan sasaran bangsa Eropah kini ialah negara-negara Islam.

Sambil mengakui kelantangannya dalam menegur bangsa Eropah, Dr Mahathir berkata: "Kami amat segan untuk mengkritik orang lain bagaimanapun mereka tidak malu dalam mengkritik kita."

-- BERNAMA

MAM KHY RON